

04

Keberkesanan Penggunaan One Note Bagi Meningkatkan Kemahiran Interaksi Lisan

Kartinie Tomin

kartinie_tomin@schools.gov.sg

Norzaidah Suparman

norzaidah_suparman@schools.gov.sg

Sekolah Perempuan Crescent

Abstrak

Ketidakupayaan pelajar dalam menguasai kemahiran bertutur secara lancar dalam bahasa Ibunda merupakan salah satu cabaran yang dihadapi di sekolah. Kecenderungan pelajar untuk bertutur dalam bahasa Inggeris secara tidak langsung menghambat minat pelajar dalam mempelajari dan menguasai bahasa Melayu. Kajian tindakan yang dijalankan ini, bertujuan untuk meningkatkan dan memantapkan keupayaan pelajar bertutur dalam bahasa Melayu. Penggunaan *One Note* sebagai alat pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilihat sebagai wadah pemangkin yang boleh membantu pelajar dalam mempertingkatkan kemahiran lisan mereka. Dapatkan kajian menunjukkan keyakinan pelajar bertutur dalam bahasa Melayu meningkat melalui *One Note*. Secara keseluruhan, penggunaan *One Note* sebagai alat PdP berupaya meningkatkan penguasaan pelajar bertutur dalam bahasa Melayu.

Kata Kunci: *One Note*, interaksi lisan, bertutur

PENGENALAN

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah di Singapura bertunjangkan hasrat memperkuuh kemahiran dan keterampilan berbahasa dalam kalangan pelajar. Menteri Pendidikan Singapura, Encik Ong Ye Kung semasa berucap dalam Persidangan Guru-Guru yang ke-9 pada 28 Mei 2019 turut menggariskan keperluan mempelajari bahasa sepanjang hayat. Rentetan daripada itu, aspek pengajaran Bahasa Melayu di Singapura pastinya memerlukan keberdayaan guru dalam menjentik minat dalam diri pelajar untuk mempelajari bahasa Ibunda dan seterusnya menjadikan pelajar penutur bahasa ibunda yang efektif selaras dengan tuntutan Kecekapan Abad ke-21.

Sebagai generasi pribumi digital yang berlatarbelakangkan profil yang kian rencam, pelajar kurang terangsang seandainya pembelajaran dalam bilik darjah hanya berlandaskan papan putih dan pena penanda semata-mata. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran dilihat mampu merancakkan keinginan dalam mempelajari sesuatu bidang ilmu khususnya dalam subjek Bahasa Melayu. Lantaran itu, Sekolah Perempuan Crescent yang merupakan antara salah sebuah sekolah pelopor dalam teknologi cuba memanfaatkan penggunaan *One Note* dalam pembelajaran.

Jabatan Bahasa Ibunda Sekolah Perempuan Crescent turut berdepan dengan cabaran dalam mencungkil minat dan keupayaan pelajar mempelajari Bahasa Ibunda. Justeru, kajian ini dilakukan demi melihat keberkesanan penggunaan *One Note* sebagai wadah penggalak bagi pelajar memahami keperluan berkomunikasi dalam bahasa Melayu secara interaktif dan efektif.

PERNYATAAN MASALAH

Bermula pada tahun 2016, peperiksaan lisan bagi GCE peringkat ‘O’ telah menggunakan video sebagai bahan rangsangan. Malah, bermula pada tahun tersebut juga, pelajar Bahasa Melayu Lanjutan turut diuji dalam komponen interaksi lisan. Sejak dengan perubahan tersebut, Jabatan Bahasa Ibunda bagi Sekolah Perempuan Crescent memilih Kemahiran Interaksi Lisan sebagai



salah satu kemahiran abad ke-21 yang ingin difokuskan.

Kecenderungan pelajar di Sekolah Perempuan Crescent untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris meskipun di dalam kelas Bahasa Melayu amat mengusarkan pihak sekolah, guru dan ibu bapa. Pengajaran interaksi lisan yang berpusatkan guru memberikan dampak yang kurang memberangsangkan kerana pelajar menjadi kurang aktif dalam pembelajaran dan mudah berasa bosan memandangkan para pelajar hanya akan mencatat nota perbincangan dan kemudian akan terlupa untuk menggunakan nota yang diambil sebagai panduan semasa peperiksaan maupun ujian lisan.

Dengan penggunaan teknologi sekolah, guru cuba menggalakkan pembelajaran lisan yang lebih menarik dan interaktif dalam kalangan pelajar. *One Note* merupakan platform yang ideal untuk pelajar berkolaborasi dalam membincangkan sesuatu topik yang ingin diutarakan selain memudahkan mereka untuk merujuk segala nota dan bahan-bahan pengajaran yang disediakan oleh guru. Kaedah ini membolehkan pembelajaran berlangsung secara berterusan dan tidak terbatas hanya ketika sesi pengajaran lisan sahaja.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanannya penggunaan *One Note* dalam pengajaran dan pembelajaran lisan;
2. meningkatkan keupayaan pelajar dalam kemahiran lisan; dan
3. menggalakkan pembelajaran aktif melalui pembelajaran kolaboratif (CoL).

KAJIAN LEPAS

Menurut Jonassen, D.H. (2000), pengajaran melalui teknologi termasuk bahan-bahan ICT boleh menjadi faktor penyumbang dalam membantu guru menarik minat pelajar di dalam dan di luar bilik darjah. ICT membolehkan guru untuk berhubung dengan pelajar menerusi pembelajaran secara aktif

dan memperkaya cara pelajar berinteraksi dengan intipati pembelajaran demi mencapai objektif pembelajaran.

Dalam memilih teknologi sebagai alat untuk memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar, guru perlu menentukan arah tuju penggunaan teknologi untuk:

- menggalakkan pembelajaran melalui konsep-konsep utama
- mempertingkat pelbagai kemahiran, nilai dan sikap khususnya dalam Kecekapan Abad ke-21
- memantau pembelajaran pelajar; dan
- memberikan maklum balas

Jonassen (1996) juga berpendapat bahawa pelajar melalui suatu proses pembelajaran yang memungkinkan interaksi dan komunikasi selain membina pengetahuan yang bermakna. Dengan menggabungkan pendekatan pembelajaran kolaboratif dengan teknologi, pelajar dapat memenuhi kehendak mereka sebagai generasi pribumi digital dan aspirasi guru dalam memupuk kemahiran komunikasi yang interaktif dan efektif dalam diri pelajar.

Pendekatan kolaborasi yang terdapat dalam *One Note* membolehkan pelajar bekerjasama demi mencapai tujuan yang sama. Pelajar dapat saling belajar antara satu sama lain dan meningkatkan pemahaman sendiri. Anuradha (1995) menyatakan bahawa pertukaran idea secara aktif dalam kumpulan kecil bukan sahaja dapat meningkatkan minat pelajar, malah menggalakkan pemikiran kritikal. Dengan adanya pertautan yang erat dalam menghubungjalinkan penggunaan *One Note* sebagai alat teknologi dan juga memupuk kemahiran berkolaborasi antara pelajar, penyelidik dapat melaksanakan PdP interaksi lisan secara berkesan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian eksperimen yang bertujuan untuk meneliti keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran komunikasi lisan menggunakan *One Note* sebagai alat pengajaran dan pembelajaran secara



kolaboratif. Amalan Pengajaran Singapura (STP) turut diterapkan dalam kajian ini. Berikut merupakan penerangan ringkas mengenai dua proses pengajaran yang diambil kira.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	AM3: Pelibatan Menerusi Kerjasama dan Interaksi Guru melibatkan pelajar dalam tugasan berkumpulan. Para pelajar dibahagikan kepada kumpulan kecil/berpasangan bagi menggalakkan kerjasama dan meningkatkan interaksi ketika berbincang tentang kandungan klip video sebagai hasil produk tugasan.
Penilaian dan maklum balas	AP24: Menyediakan Tugasan yang bermakna	AM3: Latihan untuk Menguasai <ul style="list-style-type: none"> Guru meminta pelajar menghasilkan klip video mengenai makanan tradisional (Menengah 1) dan tempat-tempat menarik di Singapura (Menengah 2). Rubrik penilaian diberikan kepada pelajar sebagai panduan.
Penerangan dan justifikasi	Penggunaan alat ICT seperti <i>One Note</i> dapat merangsang minat pelajar dan membolehkan pembelajaran berlangsung di dalam dan di luar bilik darjah. Para pelajar juga dapat berkolaborasi secara maya dengan adanya bahan pengajaran dan pembelajaran ini. Para pelajar	

	dapat menyumbang secara aktif dalam perbincangan melalui <i>One Note</i> dan menaikmuat bahan-bahan tugas. Guru juga dapat memantau penggunaan wadah ini dan memberikan maklum balas yang membina dalam membantu pelajar memahami kehendak dan tuntutan tugas. Dengan menggunakan rubrik, guru mengkhususkan garis panduan yang diharapkan dalam aspek komunikasi lisan.
--	--

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar Bahasa Melayu Lanjutan Menengah 1 dan 2 seramai 25 orang. Pelajar terdiri daripada tahap keupayaan dan latar belakang yang berbeza-beza. Sebahagian besar pelajar ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di rumah. Pelajar ini juga kurang membaca bahan-bahan dalam bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Aplikasi *One Note* merupakan aplikasi pengajaran dan pembelajaran yang bertindak sebagai wadah pengagihan maklumat dan bahan pengajaran serta dokumen perbincangan dan nota-nota pembelajaran. Guru muat naik rubrik Kemahiran Interaksi Lisan yang terangkum dalam Kecekapan Abad ke-21. Selain itu, guru juga muat naik slaid *PowerPoint* bagi membantu pemahaman pelajar. Pelajar akan menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru menggunakan *Movie Maker*. Mereka juga perlu muat naik renungan peribadi mereka di *One Note*. Guru akan memantau perbincangan dan bahan-bahan yang dimuat naik oleh pelajar. Hasil tugas yang disiapkan dengan menggunakan *Movie Maker* akan dinilai oleh guru berpandukan rubrik yang disediakan.

Penggunaan alat ICT seperti *One Note* dapat merangsang minat pelajar dan membolehkan pembelajaran berlangsung di dalam dan di luar bilik darjah. Pelajar juga dapat berkolaborasi secara maya dengan adanya bahan pengajaran dan pembelajaran ini. Pelajar dapat menyumbang secara aktif



dalam perbincangan melalui *One Note* dan muat naik bahan-bahan tugas. Guru juga dapat memantau penggunaan wadah ini dan memberikan maklum balas yang membina dalam membantu pelajar memahami kehendak dan tuntutan tugas. Dengan menggunakan rubrik, guru mengkhususkan garis panduan yang diharapkan dalam aspek interaksi lisan.

Prosedur Kajian

Guru pengkaji menggunakan kaedah kajian pengajaran dan berfokus pada sekumpulan subjek kajian. Pelajar diberikan taklimat tentang projek Kecekapan Abad Ke-21 bagi Kemahiran Interaksi Lisan. Pelajar kemudiannya secara rawak memilih rakan/ahli kumpulan bagi melakukan tugas yang diberikan. Pelajar Menengah 1 melakukan tugas secara berpasangan manakala Pelajar Menengah 2 pula melakukan tugas secara berkumpulan (seramai 3 orang).

Guru muat naik bahan pengajaran di *One Note* seperti slaid *PowerPoint* dan rubrik penilaian. Menerusi aplikasi *One Note*, guru mengaitkan dan menjelaskan rubrik penilaian. Pelajar berbincang secara berkumpulan tentang arah tuju tugas mereka berdasarkan tema yang diberikan. Guru memantau hasil perbincangan pelajar.

Pelajar membuat rakaman video tentang tema yang diberikan. Setelah itu, klip video tersebut dihantar kepada guru. Guru menilai berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

Penyusunan

Struktur

Video tersebut harus mempunyai struktur yang lengkap. Pengenalan harus memaklumkan khalayak mengenai tema. Rangka cerita secara umumnya harus tersusun dari segi idea dan penutup yang merangkumi mesej utama.

Kejelasan

Informasi, daptan, hujah-hujah yang menyokong bukti disampaikan dengan agak jelas dan logik.

Kedalaman Isi

Kepelbagaiannya idea/contoh

Idea dikembangkan dengan mengandungi beberapa contoh yang relevan.

Perhatian Yang Diberikan Kepada Khalayak

Kerangka yang berfokuskan khalayak


Isi, alat, gaya dan kosa kata yang digunakan dalam komunikasi secara umumnya memenuhi keperluan dan / atau minat khalayak.

Penyampaian

Penyampai yang baik harus berjaya untuk berhubung dengan khalayak dan melibatkan mereka dalam penyampaiannya. Contohnya melalui pandangan mata, kelantangan suara, nada. Pelajar digalakkan menggunakan strategi penyampaian secara kreatif untuk mengekalkan perhatian khalayak. Contohnya menyuarakan khalayak, mengalun-alukan pertanyaan, menyampaikan cerita yang relevan.

Kepelbagaiannya Cara Penyampaian Yang Sesuai

Cara penyampaian yang pelbagai menambah nilai kepada penyampaian idea secara berkesan dengan sedikit/tiada gangguan kepada apa yang ingin disampaikan.



Rajah 1: Contoh Rubrik Penilaian di One Note

KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI				
Men 1 & 2	Hampir menepati jangkaan [1-2]	Menepati jangkaan [3-4]	Melebihi jangkaan [5-6]	X
Men 3 & 4	X	Hampir menepati jangkaan [1-2]	Menepati jangkaan [3-4]	Melebihi jangkaan [5-6]
Penyusunan				
Struktur	Struktur yang tidak lengkap (Tidak ada pengenalan yang jelas, rangka dan/atau penutup)	Struktur lengkap tetapi tidak berkesan (pengenalan tidak memaklumkan khayalak mengenai tema, rangka, tidak menyusun idea dan penutup tidak menekankan mesej yang utama)	Struktur lengkap tetapi kurang berkesan (pengenalan memaklumkan khayalak mengenai tema, rangka, yang secara umumnya tersusun dari segi idea dan penutup yang menekankan mesej utama)	Struktur lengkap dan berkesan (pengenalan memaklumkan khayalak mengenai tema, rangka merangkumi idea yang logik dan berasas dan penutup yang menekankan mesej utama)
Koheren / kejelasan	Informasi, datatan, hujah-hujah yang menyokong bukti tidak disampaikan dengan jelas dan logik.	Informasi, datatan, hujah-hujah yang menyokong bukti kurang disampaikan dengan jelas dan logik.	Informasi, datatan, hujah-hujah yang menyokong bukti disampaikan dengan agak jelas dan logik.	Informasi, datatan, hujah-hujah yang menyokong bukti disampaikan dengan jelas logik dan padat.
Kedalamani isi				
Kepelibagaian idea / contoh	idea yang mudah dan huraian yang terlalu ringkas (contohnya tidak ada kepelibagaian frasa); Tiada usaha untuk mempelbagaikan isi atau memberi contoh	Adalah usaha untuk mempelbagaikan idea tetapi kurang huraian dan / atau contoh	Idea telah dikembangkan dan mengendungi beberapa contoh yang relevan	Idea dikembangkan dengan sepenuhnya dan mengandungi beberapa contoh yang relevan daripada pelbagai sumber

Para pelajar juga diminta melakukan renungan peribadi setelah selesai projek tersebut. Guru memberikan maklum balas kepada pelajar tentang klip video mereka. Guru juga memberikan contohan klip video yang menepati kehendak rubrik penilaian. Kemudian, pelajar akan menghasilkan sekali lagi klip video berdasarkan tema yang sama namun mengambil kira maklum balas yang telah diberikan oleh guru.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian merupakan data kualitatif dan diraih berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji semasa sesi pengajaran dan perbincangan dijalankan. Selain itu, wawancara informal, borang tinjauan dan renungan individu pelajar digunakan dalam memperoleh dapatan tersebut.

Kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa penggunaan aplikasi *One Note* berkesan sebagai alat pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan minat dan penguasaan lisan pelajar. Melalui analisis proses perbincangan yang dilakukan secara bertahap dan maklum balas yang diberikan oleh pengkaji juga menyuntik keyakinan dalam diri pelajar untuk berkomunikasi di dalam bahasa Melayu secara kreatif dan efektif.

Pada peringkat awal kajian, guru telah menjelaskan rubrik penilaian Kemahiran Interaksi Lisan dan juga memberikan taklimat tugas yang harus dilakukan. Namun begitu, pelajar masih lagi kurang yakin untuk bertutur dalam bahasa Melayu dan menyuarakan pandangan serta intipati bahan yang ingin dikongsikan dalam klip video mereka dengan baik. Pelajar masih kurang memahami khalayak yang ingin difokuskan dalam tugasannya mereka dan bagaimana hasil perbincangan mereka dapat disampaikan dengan menggunakan bahasa Melayu yang baik yakni laras bahasa dan sebutan yang sesuai.

Dengan adanya *One Note*, guru telah memuat naik rubrik penilaian dan juga nota taklimat tugas yang harus dilakukan. Guru juga berkongsi dengan pelajar beberapa klip video yang memenuhi kehendak penilaian. Usaha ini membolehkan pelajar untuk sentiasa merujuk kembali kepada rubrik dan juga slaid *PowerPoint* yang sedia ada semasa sesi perbincangan. Rentetan daripada itu, pelajar dapat memastikan bahawa kandungan klip video yang dihasilkan dapat memenuhi jangkaan.

Sesi perbincangan yang dilakukan secara lisan di dalam bilik darjah membolehkan pelajar mendapatkan ilham dengan saling berkongsi pengetahuan sesama rakan dan kemudiannya perbincangan tersebut boleh dilanjutkan menerusi aplikasi *One Note*. Tugas yang diberikan dapat membekalkan pelajar dengan kemahiran menyelidik yakni mereka perlu mencari maklumat-maklumat tertentu mengikut tema tugasannya bagi menghasilkan klip video tersebut. Setiap nota perbincangan dicatat dalam ruangan kolaboratif (*Collaborative Space*) yang pastinya membolehkan pelajar sentiasa merujuk kembali nota tersebut semasa pembikinan skrip dan klip video.



Pelajar Menengah 2 juga digalakkan untuk bertanya beberapa soalan kepada khalayak umum bagi tugasan mereka sekiranya mereka ingin mencapai tahap melebihi jangkaan dalam rubrik penilaian mereka. Jelas sekali, tugasan yang menghubungjalinkan penggunaan aplikasi *One Note* dan juga *Movie Maker* berjaya menyuntik keyakinan dalam diri pelajar untuk berinteraksi dalam bahasa Melayu.

Maklum balas yang diberikan oleh guru pula berupaya membantu pelajar untuk memperbaiki kualiti penyampaian mereka di dalam klip video yang dihasilkan dan juga kandungan isi yang ingin disampaikan.

Jadual 2: Borang Tinjauan dan Respons Pelajar

No	Item	Peratusan
1	Objektif pelajaran jelas dan tercapai.	100
2	Tugasan bertema yang diberikan menarik dan menyeronokkan.	100
3	Penggunaan aplikasi <i>One Note</i> membantu saya semasa perbincangan dengan rakan-rakan.	100
4	Penggunaan aplikasi <i>One Note</i> memudahkan saya untuk merujuk kembali bahan-bahan yang dinaikmuat oleh guru mahupun rakan-rakan khususnya dalam menyiapkan tugasan yang diberikan.	100
5	Saya kini lebih yakin dan gigih mencuba untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu.	100

Rajah 2: Contoh Renungan Pelajar Menengah 1

Penutup

Farah dan Cleo:

Banyak pengalaman yang dapat kami raih daripada membuat kuih ondeh-ondeh ini. Walaupun agak sukar untuk kami membuat kuih ondeh-ondeh ini, kami berasa puas hati kerana kerja keras kami telah membawa hasil.

Farah:

Saya berasa, menguli tepung menjadi satu cabaran bagi saya kerana ia amat memerlukan dan mengambil masa yang lama. Ini untuk memastikan yang adunan tersebut sudah sebat. Saya juga berasa bahawa ada bahan-bahan yang sukar untuk didapati seperti kelapa parut, daun pandan dan gula melaka.

Cleo:

Pada pendapat saya, pengalaman ini telah membuat saya lebih dekat kepada bahasa Melayu kerana kita harus berbual dalam bahasa Melayu semasa membuat penyampaian ini.


Pada pendapat saya, pengalaman ini sungguh memerlukan tetapi saya rasa bangga dengan hasil yang diperolehi. Saya rasa cabaran yang saya hadapi adalah untuk memasukkan ondeh-ondeh yang telah dibuatkan ke dalam peruk yang bersifat air medidih kerana saya takut terpercik air yang medidih itu. Saya perlu menguasai rasa takut saya dan memberanikan diri saya untuk memasukkan ondeh-ondeh tersebut ke dalam air yang medidih.

Rajah 3: Contoh Renungan Pelajar Menengah 2

Ria Adriana:

Melalui projek ini, saya dapat mengalami cara membuat sebuah rancangan televisyen. Sebelum kami ke Gardens by the Bay, kami harus membuat penyelidikan tentang tempat tersebut supaya kunjungan kami ke Gardens by the Bay akan menjadi sesuatu kunjungan yang berkesan. Kami menghadapi pelbagai cabaran. Contohnya, kami terpaksa untuk mengambil video berkali-kali disebabkan oleh bunyi-bunyi kuat yang boleh didengar. Kami harus mengambil video untuk menutup rancangan ini berkali-kali oleh sebab kami telah membuat banyak kesilapan dan ketawa semasa sedang mengambil video tersebut. Ia juga mengambil masa yang lama untuk meletakkan kesemua klip-klip video supaya ia menjadi sebuah hasil yang baik. Walaubagaimanapun, projek ini adalah sesuatu peluang untuk saya bertutur dalam bahasa ibunda saya dengan lebih baik.

Berdasarkan dapatan daripada analisis data melalui renungan peribadi dan borang tinjauan yang dijalankan pada akhir tugas ini, didapati aplikasi One Note yang digunakan sebagai alat pengajaran, membantu dan merangsang pembelajaran pelajar.



Kecekapan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Melayu dapat menjadi pelengkap yang ampuh dalam memperkasakan keyakinan diri pelajar khususnya melalui penyampaian yang jitu dan mampu menggerakkan pemikiran yang kritis melalui hasil perbincangan yang interaktif.

KESIMPULAN

Aplikasi One Note sebagai wadah pengajaran dan pembelajaran merupakan satu alat teknologi yang berkesan dalam memupuk pemikiran kritis dan keupayaan pelajar menaakul maklumat yang diperolehi hasil daripada kajian dan perbincangan yang dilakukan bersama rakan-rakan.

Tugasan bertema yang harus dilakukan dalam bentuk klip video membolehkan pelajar menerapkan nilai disiplin, hormat-menghormati dan yakin diri. Pelajar harus memastikan bahawa tugasan yang diberikan dihantar tepat pada tarikh yang ditetapkan. Mereka harus berbincang dan mengatur pertemuan kerana tugasan akhir harus dilakukan semasa cuti pertengahan tahun setelah mereka menerima maklum balas daripada guru.

Keberkesanan kajian ini juga didukung dengan penerapan elemen STP. Sesi PdP yang menggalakkan pelibatan pelajar dengan memberikan tugas bermakna yang memerlukan pelajar berinteraksi sesama rakan mahupun dengan khalayak umum. Ini menjadikan subjek Bahasa Melayu sebagai subjek yang tidak membosankan.

Sebagai langkah selanjutnya, guru akan terus menggunakan aplikasi One Note dalam PdP pelajar di samping memberikan tugas yang menggalakkan perbincangan dan komunikasi yang lebih interaktif.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Farihah Mad Atar

RUJUKAN

- Anuradha, A. Gokhale (1995), Collaborative Learning Enhances Critical Thinking. *Journal of Technology Education Volume 7, Number 1 Fall 1995.*
- Butler, F.A., & Steven, (1997). Oral Languages Assessment in the Classroom. *Theory Into Practice, 36 (4).*
- James A. B., & Ron B., (2010). *21st Century Skills: Rethinking How Students Learn (Leading Edge)*, Bloomington, Indiana:Solution Tree Press.
- Jonassen, D. H. (2000). *Computers as mindtools for schools: Engaging critical thinking*. New Jersey: Prentice Hall.
- Jonassen, D. H., & Reeves, T. C. (1996). Learning with technology: Using computers as cognitive tools. In D. H. Jonassen (Ed.), *Handbook of research for educational communications and technology* (1st ed.).
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018), *Amalan Pengajaran Singapura*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte Ltd.
- Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah (2011), Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura.
- Ucapan Pembukaan Menteri Pendidikan Encik Ong Ye Kung , Persidangan Guru-Guru ke-9 (2019), Mempelajari Bahasa Sepanjang Hayat.

